

11/11/1999

Mematangkan kempen politik

Mahadzir Mohd. Khir

MUNGKIN tanpa menyedari akibatnya, Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz bin Nik Mat telah membuat kenyataan yang membolehkan pemimpin DAP memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia. Ini telah mengejutkan banyak pihak. Dr. Chen Man Hin, pengerusi DAP yang mengalu-alukan sikap PAS yang dianggap begitu 'liberal' adalah diduga dan logik.

Sebelum ini, dalam manifesto bersama pakatan pembangkang, Pas juga sudah bersetuju menggugur gagasan pembentukan Negara Islam yang menjadi matlamat perjuangan mereka selama ini. Nyata Pas kini sanggup berbuat apa saja, seperti menerima kerjasama dan sokongan parti-parti yang berbeza ideologi, walaupun sosialisme, mengorbankan perjuangan sendiri dan menggadaikan cita-cita umat Islam asalkan dapat kemenangan dalam Pilihan Raya. Walaupun dulu Pas pernah menentang sekularisme dan Islam, tetapi kini itu bukan lagi isu. Begitu juga dengan isu Negara Islam, mungkin kini ia bukan lagi menjadi agendanya. Malah isu kerajaan harus dipimpin oleh ulama, juga tidak lagi disebutkan. Nyata Pas sudah jauh lebih liberal dan lebih 'sekular' dari Umno. Malah yang paling membingungkan Pas melakukan segala-galanya yang dikutuknya sendiri dan dihukum salah sebelum ini.

Apa saja yang dulunya dianggap sebagai prinsip dan dasar perjuangan, kesemuanya tidak lagi menjadi panduan dan 'pantang larang' parti. Dari satu sudut, Pas mungkin cuba mengambil sikap meliberalisasikan sifat Islamnya. Mungkin pihaknya sedang melalui satu proses penyesuaian dalam suasana kempen pilihan raya. Oleh itu keutamaannya ialah 'asalkan menang'. Dengan kata lain 'menang' dalam pilihan raya adalah agenda utama, walaupun terpaksa mengorbankan prinsip perjuangan.

Sehubungan isu PM yang dibangkitkannya agak menghairankan kerana sebelum ini, pakatan parti-parti pembangkang telah pun mencadangkan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai PM. Kenyataan terbaru Nik Aziz telah mengelirukan banyak pemerhati. Mengapa pula, sesudah mengambil ketetapan 'melantik' Anwar timbul pula kenyataan seorang bukan Islam boleh memegang jawatan itu? Kenyataan tersebut menimbulkan pelbagai soalan. Antaranya, adakah sebenarnya masing-masing parti pembangkang masih tidak yakin siapa sebenarnya akan menjadi PM sesudah pilihan raya. Atau mungkin agenda sebenarnya, Pas mempunyai 'muslihat' untuk meletakkan calonnya sendiri kemudian sekiranya menang.

Dalam hal ini tingkah laku setiap parti menimbulkan anggapan bahawa dalam pakatan tersebut masing-masing mempunyai agenda terselindung. Walaupun semua parti terlibat dianggap mempunyai 'saham' yang hampir sama, tetapi secara kasar sebenarnya Pas dan DAP menguasai pakatan tersebut. Manakala keadilan dan PRM hanyalah tanda untuk menunjukkan kepada umum bahawa pakatan itu adalah satu pakatan yang amat besar.

Pada umumnya, pakatan tersebut adalah usaha parti-parti pembangkang untuk mewujudkan persefahaman sebagai jalan keluar untuk menghadapi BN. Dalam usaha berpakat dan masing-masing cuba elakkan 'permusuhan' sesama sendiri, mereka tidak sedar bahawa pakatan tersebut lebih memudahkan BN untuk menumpukan 'serangan' dalam pilihan raya.

Cadangan pakatan tersebut mengenai PM, yang bermula dengan Anwar Ibrahim dan kemudian DAP sangat membingungkan, kerana Pas nampaknya masih tidak mempunyai calon atau rancangan untuk memimpin kerajaan. Pas nampaknya lebih bersedia menjadi pengikut sesiapa sahaja. Pas tentu ada calon-calon Parlimennya. Fadhil Nor dan Haji Awang adalah calon-calon Parlimen mereka. Apakah calon-calon ini tidak layak difikirkan. Nik Aziz juga mungkin boleh

diletakkan di Parlimen jika tidak ada calon yang layak. Tetapi Pas nampaknya semakin mengalah dan semakin 'cair'. Dan penyokong-penyokong Pas akan mengundi untuk meletakkan wakil DAP sebagai PM?

Dari sudut yang lain pula, kenyataan Nik Aziz itu juga memperlihatkan bahawa isu siapa akan jadi PM kelak belum selesai. Mereka nampaknya sekadar membuat percubaan awal untuk dapatkan maklum balas dari pihak awam. Dengan kata lain ianya sebagai ujian 'litmus' untuk menentu tahap 'asid' atau kesan positif dan negatifnya sahaja.

Di pihak BN pula, Umno telah mengambil langkah untuk membuat persediaan dalam menghadapi pembangkang. Pada Jumaat 5 November lalu, satu pertemuan wakil-wakil penerangan Bahagian, seramai 1,000 peserta telah diadakan di Dewan Merdeka, PWTC. Dr. Mahathir, sebagai Presiden Umno, telah memberi ucapan hampir satu jam mengenai pembohongan dan fitnah pembangkang. Sesudah itu dilancarkan kempen 'ops 7M' sebagai bekal untuk mematahkan kempen parti-parti pembangkang.

Dalam ucapan tersebut, Dr. Mahathir memberi fokus kepada taktik dan strategi dakwah keadilan dan Pas dalam menjalankan kempen. Beliau cuba menerangkan kaedah perang saraf atau psy-war parti-parti pembangkang. Antaranya seperti tuduhan-tuduhan dan 'pemalsuan' fakta sebagai cara deception yang mungkin dipercayai umum sebagai betul. Taktik ini mungkin akan menimbulkan kekeliruan yang boleh menjejaskan imej Umno dan Kerajaan. Di samping itu pengundi mungkin akan terpengaruh dan membuat pertimbangan yang salah.

Walaupun, pada sesetengah pendapat ianya dianggap sebagai tanda kebimbangan Umno dalam menghadapi pakatan pembangkang, tetapi itu tidaklah benar. Apa yang cuba dihuraikan oleh Dr Mahathir pada pertemuan tersebut adalah sebagai persediaan Umno untuk menghadapi kemungkinan pihak lawan. Beliau tidak membayangkan kemelesetan Umno dalam pilihan raya akan datang. Apa yang ditegaskan ialah tentang perkara-perkara yang patut dijelaskan dan kaedah penjelasan yang berkesan.

Penjelasan tersebut membayangkan bahawa Umno akan menggunakan pendekatan baru dalam usaha memenangi fikiran dan hati pengundi. Kaedah yang mahu diperkenalkan ini mengandaikan bahawa sikap pengundi dalam menerima satu-satu penjelasan adalah lebih matang. Dengan itu kaedah yang digunakan oleh pembangkang, secara tidak langsung dianggap sebagai 'ketinggalan zaman'.

Kaedah yang digunakan oleh pihak pembangkang di dalam kempen pilihan raya dengan cara melempar tuduhan tanpa asas dan mencerca bukan sahaja ketinggalan zaman tetapi ia juga bercanggah dengan kehendak Islam. Pendek kata apa yang dimaksudkan dalam politik persaingan antara parti dalam pilihan raya kempen boleh dilakukan tanpa menggunakan kaedah lama. Sehubungan itu cara pemikiran pengundi dalam pilihan raya sebenarnya sudah terbuka. Justeru pendekatan dan tren kempen pilihan raya perlu diubah. Ini selari dengan perubahan masyarakat dan taraf penghidupan yang serba meningkat.

Bagi mereka yang matang berpolitik antara parti memaham hakikat bahawa adalah tidak menjadi kesalahan untuk memihak kepada mana-mana parti politik, atau berpegang kepada politik partisan. Namun tahap kematangan ini perlu diperlihatkan sekiranya Malaysia mahu dianggap maju. Dalam hal ini, strategi memberi penjelasan dari parti-parti politik boleh dilakukan dengan menyatakan kebolehan dan kemampuan parti masing-masing. Penjelasan ini kemudiannya boleh dipertimbangkan oleh pengundi secara rasional. Dengan kaedah hanya memburukkan dan mencerca pihak lawan, kemenangan yang diharap bukan kerana kekuatan dan keupayaan sendiri yang diyakini pengundi, tetapi adalah kemenangan by default saja.

Keduanya, kempen politik menjelang pilihan raya boleh dilakukan tanpa menimbulkan rasa keresahan. Untuk melemparkan pelbagai tuduhan adalah mudah tetapi akibatnya amat buruk, kerana ia akan mewujudkan rasa

kebencian yang boleh memecahkan masyarakat mengikut parti-parti walaupun sesudah pilihan raya. Ketaksuban kepada parti pula secara psikologi boleh menimbulkan kemarahan dalam diri apabila calon/partinya kalah. Secara logiknya bagaimanakah parti yang telah menyemai dan menyemarakkan api permusuhan dan kebencian sesama sendiri dapat membina sebuah masyarakat yang harmoni, adil dan saksama? Apakah logiknya pemimpin yang agresif, ofensif dan sebatikan dengan maki hamun serta menghukum sesuka hati akan lebih adil dari pemimpin yang sederhana dan lebih rasional?

Ketiga, kempen politik pilihan raya perlu dilihat sebagai sesuatu yang bermusim sahaja. Sekiranya kaedah lama dipakai, maka isu politik akan berpanjangan dan tidak berkesudahan. Ini akan menjadikan kemampuan politik sebagai alat membawa kebaikan boleh terpesong dan kesannya terhadap mana-mana parti yang tidak mengambil kira kesan ini tentunya bukan sesuatu parti yang prihatin kepada kesejahteraan masyarakat - tetapi hanya mahu berkuasa sahaja. Iktibar cerita Nabi Allah Sulaiman tentang dua orang 'ibu' yang menuntut hak sebagai ibu kepada seorang bayi patut menjadi pengajaran. 'Ibu' yang tidak tulen dan mementingkan diri bersedia melihat anak itu dibelah dua demi 'keadilan'. Tetapi ibu yang tulen dan penyayang lebih rela tidak mendapat anak itu daripada melihat anak itu dibunuh. Satu budaya baru khususnya dari segi pendekatan perlu diperkenalkan.

Biarlah politik berbentuk pendekatan lama diketepikan. Pendekatan baru dengan kaedah memberi penjelasan yang berasas fakta perlu dimulakan. Kaedah ini membolehkan pengundi dapat sedikit sebanyak membentuk tingkah laku politik yang lebih matang dalam membuat penentuan yang rasional. Patah mematah hujah antara parti politik boleh dilakukan secara gentleman dan perbincangan boleh dilakukan dengan duduk semeja tanpa memercikkan air liur.